

Najib, Jho Low saling mengenali - Hakim

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low telah beberapa kali secara peribadi mengatur percutian bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan keluarganya di atas kapal mewah.

Bekas Pegawai Khas Perdana Menteri, Datuk Wan Ahmad Shihab Ismail Wan Ismail sendiri pernah bertanya sendiri kepada Najib mengenai pelan percutian di kapal mewah itu dan bekas Presiden UMNO mengesahkannya serta meminta ia diteruskan.

Perkara itu dinyatakan oleh Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah ketika membaca penghakiman yang berlangsung lebih lima jam semalam.

"Pada bulan Julai dan Ogos 2010, Wan Ahmad Shihab memberitahu mahkamah bahawa Jho Low telah mengatur satu lagi percutian di atas kapal layar untuk tertuduh dan keluarganya di Greece dan Itali.

"Wan Ahmad Shihab berkata Jho Low pertama kali menghubunginya dan memberitahu bahawa tertuduh dan keluarganya dijemput menaiki kapal layar Putera Arab Saudi serta memberitahu saksi bahawa beliau telah dipilih oleh tertuduh sendiri sebagai pegawai bertugas.

"Wan Ahmad Shihab berkata beliau kemudian menghubungi tertuduh untuk mendapatkan pengesahan terhadap pengaturan tersebut dan tertuduh mengesahkan serta mengarahkannya untuk meneruskan (aturan percutian)," kata hakim itu semalam.

Hakim Sequerah berkata, keterangan Wan Ahmad Shihab disokong bukti dokumen dan gambar yang sekaligus bahawa



Wan Ahmad Shihab memberitahu mahkamah bahawa Jho Low telah mengatur satu lagi percutian di atas kapal layar untuk tertuduh dan keluarganya di Greece dan Itali."

HAKIM DATUK COLLIN LAWRENCE SEQUERAH

kedua-dua lelaki itu saling kenal antara satu sama lain.

Dalam keterangan Wan Ahmad Shihab sebelum ini, beliau memberitahu Najib dan keluarganya pernah bercuti di Itali dan selatan Perancis atas kapal layar mewah dengan jempunan beberapa kerabat diraja Asia Barat.

Menurutnya, percutian tersebut disertai beberapa individu termasuk Jho Low, kenalan Najib yang juga ahli perniagaan Sarawak, Tan Sri Bustari Yusof dan pengarah Aabar Investments PJS Ltd, Mohamed Badawy Al-Husseiny.

Turut serta ialah isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor disertai dua anaknya, Nooryana Najwa dan Nor Ashman Razak serta menantu, Daniyar Kessikbayev.

Dalam salah satu percutian ke Nice, Perancis pada 4 Julai 2013, Wan Ahmad Shihab memaklumkan, anak tiri Najib, Riza Aziz dan produser filem Wolf of Wall Street, Joey McFarland turut menyertainya.



- **20 September 2018:** Datuk Seri Najib Tun Razak didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas empat pertuduhan menggunakan kedudukan mendapatkan suapan RM2.3 bilion melibatkan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dimasukkan ke akaun peribadi dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram.
- **31 Oktober 2018:** Kes penyelewengan dana 1MDB dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi.
- **7 Ogos 2019:** Mahkamah Persekutuan menolak rayuan untuk menggugurkan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan. Datuk Seri Gopal Sri Ram daripada mengetuai barisan pendakwaan.
- **28 Ogos 2019:** Perbicaraan kes penyelewengan bermula.

- **19 Mei 2020:** Perbicaraan bersambung semula setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 ditarik semula.
- **5 Januari 2021:** Perbicaraan bersambung setelah hampir empat bulan ditangguhkan atas pelbagai alasan termasuk Najib perlu menghadiri Sidang Dewan Rakyat.
- **25 Ogos 2022:** Najib hadir perbicaraan 1MDB sebagai banduan setelah Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta berkait penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.
- **29 Januari 2023:** Gopal meninggal dunia pada usia 79 tahun.
- **18 Ogos 2023:** Mahkamah Tinggi menolak permohonan Najib menggugurkan Hakim

Datuk Collin Lawrence Sequerah daripada mendengar kes selepas didakwa pernah bekerja di firma guaman dengan bekas peguam 1MDB, Jasmine Loo.

- **6 November 2023:** Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk pindatiga pertuduhan.
- **24 Oktober 2024:** Najib menerusi anak lelakinya, Datuk Mohamad Nizar Najib membuat permohonan maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia kira-kira tujuh hari sebelum keputusan di akhir pendakwaan diputuskan mahkamah.
- **30 Oktober 2024:** Najib diperintah bela diri.
- **2 Disember 2024:** Najib mula memberikan keterangan bela diri selaku saksi pertama pembelaan.